

**USAHAWAN BUMIPUTRA BERJAYA: CABARAN DAN DAYA SAING**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**OLEH:**

**NORMAH OMAR  
ZURAIDAH MOHD SANUSI  
NORASHIKIN ISMAIL  
NORILMIAH ABD AZIZ**

**JANUARI 2012**

KANDUNGAN

|                                                     |     |
|-----------------------------------------------------|-----|
| 1. Surat Penyerahan Laporan.....                    | iii |
| 2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan) .....         | iv  |
| 3. Penghargaan.....                                 | v   |
| 4. Perubahan Tajuk dan Objektif Penyelidikan .....  | vi  |
| 5. Laporan.....                                     | 1   |
| 5.1 Pengenalan .....                                | 1   |
| 5.2 Kajian Literatur .....                          | 2   |
| 5.3 Kaedah Penyelidikan.....                        | 3   |
| 5.4 Kajian Kes 1 – Noor Yushalizawati Md Yunus..... | 4   |
| 5.5 Kajian Kes 2 – Mohd Pozi Hassan.....            | 19  |
| 5.6 Kajian Kes 3 – Hajah Aishah .....               | 29  |
| 5.7 Kajian Kes 4 – Datuk Azlina Che Abdullah .....  | 39  |
| 5.8 Kajian Kes 5 – Haji Sahih Ibrahim .....         | 50  |
| 5.9 Kajian Kes 6 – Mohammed.....                    | 59  |
| 5.10 Kajian Kes 7 – Datuk Ameer Mydin.....          | 65  |
| 5.11 Rujukan .....                                  | 73  |
| 6. Hasil Penyelidikan.....                          | 74  |
| 7. Lampiran.....                                    | 76  |

### 3. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Noor Yushalizawati Md Yunus  
(Pengurus NY Abadi Trading)

Mohd Pozi Hassan  
(Pengurus Pozi Bistro dan Restoran Nasi Ayam Periuk Besar)

Hajah Aishah  
(Pengarah Urusan Syarikat Yee Trading & Management Resources)

Datuk Azlina Che Abdullah  
(Pengasas dan Pengarah Urusan D'Navechee Beauty (M) Sdn. Bhd.)

Haji Sahih Ibrahim  
(Pengarah Urusan Masray Plastik Sdn. Bhd.)

Mohammed  
(Pengusaha Kilang Kopi Mohamed B.Chin & Anak-Anak Sdn Bhd)

Datuk Ameer Ali Mydin  
(Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd.)

dan

Semua peniaga yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini

## 5. LAPORAN

### 5.1 Pengenalan

Buku usahawan ini menghimpunkan biografi tokoh-tokoh usahawan Malaysia yang telah menempa nama di arena perniagaan dan menjadi idola bagi usahawan muda di negara kita. Fokus utama penerbitan buku usahawan adalah untuk berkongsi liku-liku kehidupan, cabaran dan halangan yang dialami oleh tokoh-tokoh usahawan sepanjang menceburi bidang ini. Melalui perkongsian idea, nasihat dan pengalaman hidup para usahawan ini, diharap dapat membantu para usahawan muda agar berdaya saing dan maju ke hadapan untuk lebih berjaya.

Beberapa nama yang diketengahkan dalam buku usahawan ini ialah Puan Yushalizawati dan Encik Mohd Pozi (penerima Anugerah Tokoh Usahawan Muda Tunas Mekar 2008), Puan Hajah Aisyah (dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 2008 peringkat Negeri Kelantan) dan Datuk Azlina (dianugerahkan sebagai Wanita Ikon 2008). Pemberian anugerah-anugerah ini kepada para usahawan mengambilkira beberapa faktor seperti sumbangan para usahawan kepada negara dari segi ekonomi, pembabitan dalam program-program usahawan sama ada dalam dan luar negara, dan tidak lupa juga pada tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

*“Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu,  
maka berjalanlah di segenap penjurunya dan makanlah  
sebahagian dari rezeki-Nya.”* (Surah al-Mulk, ayat 15).

## 5.2 Kajian Literatur

Di dalam menghadapi perubahan dan ketidakpastian ekonomi sekarang, seseorang usahawan itu perlulah mempunyai bakat (Thompson, 2004). Bagaimanapun usaha untuk mengenal pasti usahawan ini agar sukar. Sesetengah pendapat pula mengatakan bahawa individu yang komited sudah tentunya akan berjaya walaupun terdapat halangan atau sebaliknya. Usahawan adalah seseorang yang mempunyai dan mengendalikan perniagaan kecil secara aktif (Collins, Hanges & Locke, 2004) di mana beliau tidak membuat perkongsian akan tetapi membentuk pelbagai jenis pekerjaan di dalam perniagaan seperti pegawai eksekutif, pegawai pemasaran dan konsultan (Stewart & Roth, 2007). Seseorang usahawan pula boleh digelar pemimpin sekiranya beliau tidak terikat dengan organisasi yang mempunyai sistem teratur dan berdisiplin (Thompson, 2004). Pemimpin usahawan mempunyai ciri-ciri pemimpin yang saling melengkapi dengan kebolehan keusahawanan.

Pemahaman terhadap isu-isu cabaran dan daya saing perniagaan dapat membantu usahawan lain mengenal pasti kekuatan dan kebolehan dan di masa yang sama juga mencari bidang yang perlu diperbaiki. Kajian lepas telah mengenal pasti modal manusia dan modal kewangan merupakan faktor penting yang mempengaruhi kejayaan dan survival perniagaan kecil dan sederhana (Coleman, 2007). Bagaimanapun, kajian kes yang melihat dengan lebih mendalam terhadap pemimpin usahawan yang berjaya amatlah terhad. Bidang keusahawanan ini perlu dipertingkatkan dari segi bilangan usahawan yang berjaya untuk membantu sustainabiliti pertumbuhan ekonomi.